

22/07/2001

PM penulis istimewa

Ihsan Noorzali

TANGGAL 16 Julai lalu genaplah 20 tahun Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri Malaysia. Beliau juga adalah Perdana Menteri paling lama menyandang jawatan itu berbanding sebelumnya iaitu Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak Hussein dan Tun Hussein Onn.

Beliau yang dilahirkan pada 20 Disember 1925 di Lorong Kilang Ais, Seberang Perak, Alor Star, Kedah mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Laki-laki Seberang Perak, Kedah dan melanjutkan pelajaran ke Sekolah Inggeris Alor Star (kini Maktab Sultan Abdul Hamid). Kemudiannya Dr Mahathir melanjutkan pelajaran di King Edward VII College of Medicine, Universiti Malaya (Singapura). Dr Mahathir ternyata persis seorang jurutera yang mencorakkan kemajuan negara dan bangsa Melayu dengan baktinya menjelmakan idea menarik agenda pembangunan negara.

Jasa Dr Mahathir terlalu banyak untuk disenaraikan. Dari aspek semangat bekerja kuat untuk membangunkan negara, beliau menganjurkan kempen Bersih, Cekap, Amanah, Kepemimpinan Melalui Teladan, Dasar Kependudukan 70 juta, Dasar Pandang Ke Timur dan Wawasan 2020.

Dari segi kemajuan, beliau juga menampilkan Dasar Perindustrian Negara hingga lahirnya Proton Saga dan motosikal Kriss, litar Formula 1, Transit Aliran Ringan (LRT) yang merentasi Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Bagaimanapun tulisan ini sebenarnya ingin mengarah kepada persoalan Dr Mahathir dan dunia sastera nasional yang secara tidak rasminya beliau juga banyak menyokong gerakan sastera dari sudut dirinya sebagai penulis.

Terlalu banyak puisi yang dihasilkan oleh penyair Malaysia yang menyentuh persoalan diri Dr Mahathir, selain Dr Mahathir sendiri pernah menghasilkan karya.

Dr Mahathir bukan saja seorang politikus atau negarawan berwibawa di negara sendiri, malahan di peringkat antarabangsa sebagai pembela nasib negara Dunia Ketiga. Beliau juga adalah seorang penulis.

Dr Mahathir pernah menghasilkan buku The Malay Dilema (Dilema Melayu) yang menghuraikan persoalan sikap bangsa Melayu hingga tertinggal dalam aspek ekonomi berbanding bangsa lain.

Selain Dilema Melayu yang dihasilkan pada 1997, Dr Mahathir menghasilkan The Early Years 1947-1972(1995), A New Deal for Asia (1999), The Way Forward (1998), The Challenge (1986) dan Jalan Ke Puncak (1999).

Dalam kesibukan menjadi pemimpin negara mengharungi pelbagai isu dalaman negara dan memperjuangkan hak asasi manusia sejagat di persidangan antarabangsa, beliau masih mempunyai waktu mencurahkan isi mindanya dalam bentuk buku dan tentulah kalau tanpa ada bakat seorang penulis, bagaimana buku itu mampu dihasilkan.

Dalam penulis kreatif khasnya puisi, Dr mahathir pernah menggemparkan bangsa Melayu negara ini apabila mencipta puisi berjudul Perjuangan Yang Belum Selesai.